

Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup UOBM

TERMA DAN SYARAT

KAD KREDIT DAN/ATAU DEBIT UOB (“Kad”)

Kelayakan Promosi

1. Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”)(“Promosi”) terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit dan/atau Debit UOBM utama dan tambahan (“Ahli Kad”) yang akaun(-akaunnya) adalah dalam keadaan semasa, sah, wujud dan dalam keadaan kredit yang baik yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlakanya.
2. Promosi ini hanya dibuka kepada Kad Kredit dan/atau Debit yang dikeluarkan di Singapura, Malaysia, Thailand dan Indonesia (“Kad Kredit dan/atau Debit UOB”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.
3. Berikut adalah mereka yang tidak layak untuk Promosi ini:-
 - a. Ahli Kad yang akaun(-akaunnya) yang telah ditamatkan, digantung atau dibatalkan dalam tempoh Promosi.
 - b. Semua Ahli Kad Korporat, Kad Pembelian dan Kad Label Peribadi UOBM;
 - c. Akaun dengan UOBM yang tertunggak atau dalam keadaan kredit yang tidak memuaskan sepertimana yang ditentukan oleh UOBM pada budi bicara mutlakanya; dan
 - d. Mereka yang tidak siaman, telah meninggal dunia, bankrap atau mereka yang mempunyai sebarang prosiding undang-undang yang dikenakan terhadap mereka.

Tempoh Promosi

4. Tempoh Promosi bermula dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2022 (termasuk kedua-dua tarikh)(“Tempoh Promosi”), kecuali dimaklumkan sebaliknya oleh UOBM.

Kaedah Promosi

5. Di bawah Promosi ini, Ahli Kad adalah layak untuk mendapat keistimewaan pengembaraan & gaya hidup (“Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup”) seperti yang dinyatakan dalam laman web 2022 Privileges iaitu www.uob.com.my di manamana kedai yang menyertai adalah dipaparkan dalam laman web yang sama (“Cawangan -cawangan Yang Mengambil Bahagian”).
6. Semua bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Kad Kredit dan/atau Debit UOB untuk menikmati Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup.
7. Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup ini adalah tertakluk kepada apa-apa cukai jualan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang pada tarikh Promosi ini atau pada sebarang tarikh Promosi ini, dikehendaki oleh undang-undang (termasuk Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

8. Promosi ini tidak sah dengan tawaran, promosi, diskaun, baucar, kupon, kad istimewa, atau pembelian sijil hadiah yang lain, kecuali dimaklumkan sebaliknya.
9. Tempahan awal diperlukan untuk Keistimewaan Pengembaraan. Semua tempahan adalah tertakluk kepada ketersediaan dan pengesahan atas dasar tiba dahulu layan dahulu.
10. Keistimewaan Pengembaraan tidak sah semasa musim puncak/tempoh pameran dan surcaj yang sewajarnya boleh dikenakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.
11. Fi pembatalan dan pindaan akan dikenakan untuk Keistimewaan Pengembaraan. Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada ketersediaan dan pengesahan.
12. Di bawah Promosi ini, Keistimewaan Pengembaraan tidak termasuk tip pelancongan, fi visa dan fi insurans, kecuali dinyatakan sebaliknya.
13. Promosi ini tertakluk kepada terma dan syarat lain Cawangan-cawangan yang Mengambil Bahagian.
14. Sebarang peralatan, aksesori atau barangan yang dipaparkan bersama dengan Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup dalam bahan bercetak, laman web atau cawangan-cawangan UOBM adalah untuk tujuan perhiasan sahaja dan bukan sebahagian daripada Promosi ini.

Terma dan Syarat Am

15. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju dan terikat dengan terma dan syarat ini dan sebarang terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad UOB Visa/MasterCard. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad yang berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat akan diguna pakai.
16. Keputusan Cawangan-cawangan yang Mengambil Bahagian dan/atau UOBM dalam semua perkara berkenaan dengan Promosi dan Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup ini adalah muktamad dan terikat. Semua rayuan dan/atau surat-menyurat dari Ahli Kad tidak akan dilayan.
17. UOBM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perwakilan atau salah tafsiran fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak sah berkenaan dengan Promosi dan/atau Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup yang diterbitkan dalam mana-mana bahan media massa, pemasaran atau pengiklanan.
18. UOBM tidak akan bertanggungjawab atau boleh menerima sebarang liabiliti mana-mana sifat dan bagaimanapun yang timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi dan Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup ini, melainkan jika timbul daripada kecuaiian kasar UOBM atau salah laku semata-mata.

19. UOBM tidak mempunyai perkaitan dengan Cawangan-cawangan yang Mengambil Bahagian dan tidak membuat sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan dengan kualiti barangan dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Cawangan-cawangan Yang Menyertai.
20. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan berkenaan dengan Promosi dan/atau Keistimewaan Pengembaraan & Gaya Hidup ini.
21. Sekiranya berlaku sebarang ketidaksejajaran antara terma dan syarat ini dengan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
22. UOBM mempunyai hak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Promosi dari semasa ke semasa secara sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dengan menerbitkan notis dua puluh satu (21) hari terdahulu kepada Ahli Kad melalui laman web UOBM dan/atau mesej pernyataan melalui Penyataan Akaun.
23. UOBM berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini sebelum tamat Tempoh Promosi, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Promosi oleh UOBM tidak melayakkan Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung Ahli Kad sama ada sebagai langsung atau akibat tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.
24. Terma dan syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selari dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa yang tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

Tamat